

3 Jun 2016

Kenyataan Media oleh  
**YAB TUAN LIM GUAN ENG**  
**KETUA MENTERI PULAU PINANG**  
pada Majlis Perasmian Pakej 12, Loji Rawatan Air Sungai Dua

## **URUS SUMBER AIR MENTAH DI WILAYAH UTARA ATAS DASAR SERANTAU**

**Berbillion-bilion ringgit, serta kehidupan dan mata pencarian lebih  
daripada 4 juta orang menjadi pertaruhan.**

PULAU PINANG, Jumaat (3/6/2016): Kerajaan Persekutuan perlu campur tangan untuk menguruskan semua sumber air mentah di Wilayah Utara secara efisien bagi memastikan kejayaan Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER).

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi isu-isu air mentah serantau, dan juga untuk menangani cabaran peningkatan permintaan air mentah yang akan memberi kesan kepada kemajuan di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Utara Perak pada masa hadapan.

Kerajaan Persekutuan pula menggariskan, matlamat NCER adalah “untuk menjadi sebuah wilayah ekonomi bertaraf dunia menjelang tahun 2025 dengan memanfaatkan kekuatan di rantau ini.”

Walau bagaimanapun, untuk muncul sebagai sebuah wilayah ekonomi bertaraf dunia, kita mesti mempunyai 'jaminan air'.

Dalam konteks ini, jaminan air merujuk kepada ketersediaan, kestabilan dan kemampuan keseluruhan bekalan air yang mencukupi untuk memenuhi keperluan masyarakat.

Jika pertumbuhan serantau adalah benar-benar menjadi keutamaan, kita perlu secara kolektif "mencari kekuatan" pada semua sumber-sumber air mentah di Wilayah Utara untuk faedah bersama. Semua sumber air mentah serantau mesti dilindungi, dioptimumkan dan dikongsi di kalangan semua negeri-negeri di rantau ini kerana air adalah elemen yang sangat

diperlukan untuk kehidupan dan juga kemajuan NCER.

Menurut Jabatan Perangkaan, gabungan output ekonomi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak menyumbang 15.8% daripada KDNK kebangsaan pada tahun 2014.

Di keempat-empat negeri, sektor pembuatan, perkhidmatan, pelancongan dan pembangunan harta tanah dan pertanian bergantung kepada bekalan air yang baik dan berterusan.

Jika tiada air, atau air tidak mencukupi, ekonomi akan menanggung akibatnya.

Yang paling penting, 4 juta penduduk yang menetap di Wilayah Utara memerlukan air yang mencukupi setiap hari. Setiap orang memerlukan air yang mencukupi untuk minum, mandi, memasak, membasuh dan membersih setiap hari.

Oleh itu, kesejahteraan rakyat di NCER juga sangat bergantung kepada jaminan air mentah serantau.

Oleh itu, Pulau Pinang telah membentangkan 3 cadangan utama ketika mesyuarat Majlis Sumber Air Negara yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri di Bangunan Parlimen pada 26 Mei 2016. Cadangan kami adalah untuk:

- Melaksanakan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS), sebagai 'satu penyelesaian untuk kedua-dua negeri yang akan menjamin jaminan air mentah di Utara Perak dan Pulau Pinang sehingga 2050;
- Mengharamkan semua aktiviti pembalakan di kawasan tадahan Ulu Muda yang mengumpul air mentah untuk Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Sebaliknya, Kerajaan Persekutuan perlu meyakinkan Kedah untuk mewartakan kawasan tадahan air Ulu Muda serta-merta, dan kemudian membayar pampasan kepada Kedah untuk melindungi dan memelihara kawasan tадahan untuk faedah 3 negeri.
- Melindungi, mengoptimalkan dan berkongsi semua sumber air mentah (termasuk semua kawasan tадahan, anak sungai dan sungai) di Wilayah Utara untuk manfaat Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

Kerajaan Persekutuan adalah satu-satunya pihak berkuasa yang mempunyai kuasa untuk menguruskan sumber air mentah serantau di peringkat serantau.

Jadi, adakah Kerajaan Persekutuan akan mengambil tindakan untuk menjamin bekalan air untuk semua di Wilayah Utara?

Dengan berbilion-bilion ringgit dan nasib 4 juta orang yang menjadi pertaruhan, kita berharap mereka akan bertindak pantas, dan mengutamakan kepentingan rakyat.

Sementara itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP bersedia untuk memberi nasihat dan bantuan sekiranya diperlukan.

## **TIADA CATUAN AIR DAN LRA SUNGAI DUA**

LRA Sungai Dua adalah pemasangan bekalan air yang kritikal yang menghasilkan lebih daripada 80% daripada air terawat dibekalkan di Pulau Pinang setiap hari. Ia adalah aset bekalan air utama yang telah membantu kita untuk mengelakkan catuan air di Pulau Pinang.

Oleh itu, perasmian Pakej 12 adalah satu perkembangan baik untuk memastikan tiada catuan pada masa hadapan. Kerja naik taraf terbaru ini meningkatkan kapasiti rawatan loji sehingga 1,228 juta liter sehari (JLH).

Tahun ini, Super El Niño menyebabkan kekurangan air di seluruh Malaysia. Beberapa negari terpaksa melaksanakan catuan air di beberapa kawasan pada bulan April 2016.

Di Pulau Pinang, kita tidak merancang untuk catuan. Kita merancang dan berusaha untuk mengelak catuan.

Oleh itu, walaupun semasa musim kemarau yang sangat panjang yang menjangkau lebih 5 bulan sejak Januari 2016, tidak ada catuan di Pulau Pinang.



Berdasarkan perkara ini, saya memuji pasukan PBAPP yang berjaya menyahut cabaran untuk "tiada catuan air". Ini adalah pencapaian yang paling besar anda setakat ini pada 2016.

Terima kasih.

---

Contact : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakkah  
Corporate Communications Unit  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)